

**WAWANCARA BERHUBUNG ASNAF MUALLAF  
BERSAMA  
S.S. DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI SELANGOR**

1. Siapakah mereka yang dikatakan sebagai muallaf?

Muallaf boleh diertikan sebagai:

- Mereka yang memeluk agama Islam dan imannya dhaif, maka dengan pemberian bantuan melalui asnaf ini diharapkan boleh menguatkan lagi iman mereka. Di samping itu, diharapkan kecenderungan hatinya atau keyakinannya terhadap Islam semakin bertambah.
- Mereka yang memeluk agama Islam, imannya kuat dan dipandang tinggi oleh kaumnya, maka dengan pemberian bantuan melalui asnaf ini diharapkan agar ia boleh menarik minat orang lain untuk memeluk agama Islam atau dengan pemberian bantuan ini ia dapat mempertahankan kejahatan serta muslihat orang-orang kafir disekelilingnya.

2. Tempoh seseorang yang dikategorikan sebagai muallaf?

Tempoh seseorang muallaf adalah bergantung kepada penilaian terhadap individu muallaf itu sendiri dalam usaha untuk dirinya mempelajari dan melaksanakan syariat Islam. Walaubagaimanapun, tempoh tiga tahun adalah memadai bagi seseorang itu untuk mengenali seterusnya mengamalkan ajaran Islam itu dengan baik dan sempurna sekiranya individu itu sendiri benar-benar komited dan bersungguh-sungguh untuk mendalami Islam.

3. Jika seseorang itu telah tamat tempohnya yang dikategorikan sebagai muallaf, adakah mereka layak menduduki asnaf lain seandainya ia masih memerlukan bantuan dan sokongan?

Dalam syariat Islam, setiap bantuan yang diberikan melalui peruntukan asnaf zakat adalah bersifat sementara sahaja. Tujuan diberikan bantuan zakat adalah bagi meringankan beban atau membantu mereka yang memerlukan bantuan untuk keluar daripada kepompong masalah yang dihadapi bukannya bersifat berterusan. Setiap asnaf mempunyai golongan yang tertentu untuk diberikan bantuan dan ia diberikan hanya kepada mereka yang difikirkan layak sahaja. Sekiranya mereka yang dikategorikan sebagai muallaf telah tamat tempohnya, sedangkan ianya masih memerlukan bantuan dan sokongan dari aspek yang lain, umpamanya ia seorang yang fakir atau miskin, ia masih boleh memohon agar diberikan bantuan melalui asnaf tersebut.

4. Dari segi hukum, khususnya Fatwa Agihan Zakat Negeri Selangor, adakah pembahagian peruntukan zakat untuk setiap asnaf hendaklah sama rata atau mengikut keperluan asnaf itu sendiri dan bagaimana peruntukan asnaf muallaf?

Bagi Negeri Selangor, jumlah wang zakat yang dibayar oleh para pembayar zakat adalah sangat menggalakkan sehingga mencecah lebih RM 100 juta. Wang yang dikutip daripada pembayar zakat ini hendaklah diagihkan kepada lapan asnaf mengikut keperluan asnaf yang tertentu. Tidak semestinya pembahagian peruntukan zakat bagi setiap asnaf itu sama rata atau sama banyak kerana keperluan bagi menentukan kadar dan jenis agihan bagi setiap asnaf adalah berbeza. Ada asnaf yang memerlukan peruntukan yang lebih besar seperti asnaf fakir dan miskin. Tetapi ada asnaf yang hanya memerlukan peruntukan yang sedikit sahaja seperti asnaf ibnu sabil.

Walaupun bagaimanapun, pihak Pusat Zakat Selangor harus sentiasa menjalankan kajian terhadap keperluan setiap asnaf dari semasa ke

semasa bagi menentukan kadar serta jenis-jenis agihan bagi setiap asnaf. Begitu juga peruntukan bagi asnaf muallaf, peruntukannya adalah berdasarkan kepada keperluan semasa (jenis bantuan) serta kadar yang akan diberikan kepada setiap muallaf.

5. Pada pandangan Dato', siapakah sebenarnya yang mesti bertanggungjawab mengendalikan urusan muallaf ini, khususnya berkaitan dengan menjaga aqidah dan kebajikan mereka?

Sebagai seorang yang bergelar Muslim, kita semua sebenarnya bertanggungjawab bagi mengendalikan urusan muallaf, kerana mereka adalah saudara seIslam kita. Mereka baru sahaja memeluk agama Islam dan mereka sebenarnya memerlukan bantuan, bimbingan serta sokongan daripada semua pihak.

Pihak kerajaan memberikan bantuan melalui Unit Saudara Baru yang terdapat di Majlis Agama Islam Selangor dengan mengadakan kelas-kelas bimbingan, kursus pemantapan aqidah, sesi kaunseling dan sebagainya. Begitu juga dengan Pusat Zakat Selangor yang memberikan bantuan zakat melalui peruntukan daripada asnaf muallaf.

Pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti PERKIM dan persatuan-persatuan seperti Persatuan Cina Muslim dan Persatuan India Muslim serta badan-badan kebajikan lain, selama ini banyak memainkan peranan untuk menjaga kebajikan golongan ini di samping mengadakan program-program ke arah memperkukuh dan mempertingkatkan keimanan mereka.

Begitu juga dengan anggota masyarakat, jawatankuasa masjid/surau, jawatankuasa penduduk dan ahli kariah perlu memainkan peranan masing-masing agar golongan muallaf ini tidak merasa tersisih hanya kerana disebabkan perbezaan sesuatu kaum atau warna kulit. Islam tidak memandang kepada kaum atau warna kulit seseorang tetapi Islam memandang kepada tahap keimanan seseorang melalui ikatan

ukhuwwah yang dijalinan sesama muslim. Mereka ini perlu dilibatkan dengan sebarang aktiviti atau program keagamaan secara bersama yang diadakan di setiap kariah atau kawasan mengikut keperluan.

6. Apakah hak-hak golongan asnaf muallaf yang menjadi tanggungjawab kita sebagai orang Islam?

Sebagai seorang Islam kita seharusnya menunaikan tanggungjawab sosial kita kepada golongan ini. Mereka mempunyai hak ke atas kita dan kita wajib menunaikannya sebagai hak seorang muslim kepada muslim yang lain. Dari segi dakwah, kita dituntut untuk memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan memberi kefahaman kepada mereka terhadap Islam. Dewasa ini banyak pihak telah menyalah tafsirkan dan memberikan gambaran yang buruk terhadap Islam, sedangkan Islam adalah sebaliknya. Kita juga perlu memberikan bimbingan tentang perkara yang menyentuh persoalan aqidah dan syariat bagi mengelak salah tanggapan yang mendakwa bahawa Islam itu membebankan dan menyusahkan.

Di samping itu juga, kita perlu sentiasa memberikan khidmat nasihat, pandangan yang berguna serta saling bertanya khabar berita sebagai satu bentuk sokongan moral kepada mereka. Dari segi kebajikan pula, seperti mana yang telah saya nyatakan tadi, mereka ini perlu dilibatkan dalam semua aktiviti kemasyarakatan terutamanya yang melibatkan program-program keagamaan samada di peringkat kariah, daerah mahu pun negeri. Mereka juga insan biasa yang mahukan hidup bahagia seperti orang lain, mungkin dengan keputusan mereka ini untuk memeluk agama Islam, mereka disisihkan oleh ahli keluarga yang lain. Oleh itu, kita perlu sama-sama memainkan peranan agar mereka tidak merasa terpinggir atau tersisih.

7. Apakah peranan yang mesti dimainkan oleh tiga institusi (Pusat zakat, Jabatan Agama Islam, Masyarakat) dalam menjaga kebajikan golongan ini?

Pusat zakat boleh memberikan bantuan sebagai galakan awal kepada mereka melalui peruntukan daripada asnaf muallaf. Demikian juga dengan bantuan-bantuan daripada asnaf yang lain seperti bantuan modal untuk memulakan perniagaan dan sebagainya. Jabatan Agama Islam boleh memainkan peranan sebagai pembimbing, memberi khidmat nasihat dan panduan bagi memberikan kefahaman kepada mereka mengenai Islam melalui kursus, bengkel dan program-program yang difikirkan sesuai. Masyarakat sekeliling boleh memberi sokongan moral kepada mereka dengan mengambil mereka sebagai keluarga angkat atau sebagainya.

8. Pada pandangan Dato' apakah bentuk-bentuk bantuan yang patut diberi keutamaan terhadap asnaf muallaf ini?

Setiap bantuan yang disalurkan melalui asnaf ini adalah lebih berupa insentif atau galakan kepada mereka yang baru sahaja yang memeluk agama Islam agar hati mereka terus dekat dan cenderung ke arah cahaya keimanan. Di antara bantuan yang perlu diberikan keutamaan kepada golongan ini adalah berupa insentif bagi menghadiri kelas-kelas pengajian agama yang dikhususkan untuk mereka, insentif bagi pengusaha rumah/asrama muallaf, bantuan bagi mengerjakan haji atau umrah, bantuan kecemasan seperti kebakaran atau banjir serta insentif kepada mereka (muallaf) yang dapat menarik orang bukan Islam untuk memeluk agama Islam.

9. Pada pandangan Dato' apakah faktor-faktor yang menyebabkan orang bukan Islam tertarik untuk memeluk agama Islam?

Keindahan dan ketinggian syariat Islam dalam mengatur proses atau perjalanan kehidupan umat manusia (dalam semua aspek). Islam

mempunyai peraturan dan garis panduan yang jelas dan ianya membabitkan tiga (3) aspek utama iaitu aqidah, syariat dan akhlak.

Aturan hidup dalam Islam sebenarnya mempunyai misi yang jelas apabila ianya dikaitkan dengan hakikat kejadian manusia itu sendiri iaitu dari mana kita datang? Untuk tujuan apa kita dihidupkan? dan ke mana sebenarnya akhir perjalanan hidup dan apa matlamat kita?

Sebagai umat Islam, kita berpegang kepada prinsip *hablum minallah wa hablum minannas*. Kita tidak boleh mengeneipkan semua hal dunia untuk menumpukan kepada akhirat semata-mata. Sebaliknya kita juga harus sedar bahawa mengejar kehidupan dunia semata-mata bukanlah matlamat kita dihidupkan Allah di dunia ini.

Ketiga-tiga aspek itulah yang membuatkan mereka yang bukan Islam tertarik dengan Islam iaitu kepercayaan wujudnya Pencipta, sistem kehidupan yang diatur dengan bijaksana serta keluhuran dalam membentuk insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi yang dapat dijelmakan melalui contoh tauladan yang baik dalam penerapan nilai-nilai murni dan penghayatan Islam di samping keharmonian hidup masyarakat yang bersifat toleransi, kasih sayang dan lain-lain.

10. Sekarang ini wujud kekeliruan samada wang zakat boleh atau tidak diberikan kepada orang bukan Islam dengan tujuan untuk menjinakkan mereka pada Islam, apa pandangan Dato'?

Wang zakat harus diberikan kepada orang bukan Islam dengan tujuan untuk menjinakkan mereka kepada agama Islam dan akhirnya akan menganut agama Islam. Lebih-lebih lagi sekiranya seseorang kafir itu mempunyai pengaruh untuk mengajak kaumnya memeluk agama Islam. Hal ini pernah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. di mana baginda pernah memberi zakat kepada Abu Sufyan bin Harb, Sofwan bin Umayyah, 'Uyainah bin Hishn dan lain-lain pembesar Quraisy, di mana mereka

telah berjaya menganut agama Islam dan membawa pengikutnya bersama.

11. Apakah saranan Dato' kepada asnaf muallaf di Negeri Selangor ini dan juga institusi-institusi yang secara langsung dan tidak langsung terlibat dalam urusan muallaf?

Kita perlu ingat bahawa segala urusan yang berkaitan dengan hubungan sesama manusia adalah menjadi tanggungjawab kita bersama kerana setiap orang Islam mempunyai hak ke atas orang Islam yang lain. Justeru itu, kita perlu menunaikan hak tersebut. Begitu juga mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan urusan berkaitan muallaf, para muallaf ini perlu dibimbing dan diberikan perhatian kerana mereka baru sahaja menerima hidayah Allah S.W.T. Seharusnya mereka ini didekati dan dikasihi sebagai penggalak emosi mereka untuk terus menyelami keindahan dan kesyumulan Islam itu sendiri.

Kepada golongan muallaf diharapkan agar dapat berusaha memantapkan aqidah mereka supaya tidak akan kembali semula kepada ajaran asal, tanamkanlah kesedaran bahawa sesungguhnya hanya Islam adalah satu-satunya agama yang sebenar di sisi Allah S.W.T.

12. Jika dalam sesebuah keluarga yang bukan Islam, salah seorang daripada mereka samada si suami atau si isteri memeluk Islam, bagaimana taraf perkahwinan mereka?

- Bagaimana kedudukan agama anak mereka (belum baligh dan telah baligh)?
- Jika kedua-dua suami isteri memeluk Islam, perlukah dinikahkan semula mengikut cara Islam?

Menurut syariat Islam, sekiranya salah seorang daripada pasangan suami atau isteri telah memeluk agama Islam, maka mereka mempunyai tempoh iddah iaitu selama tiga (3) quru'. Jika dalam tempoh tersebut,

salah seorang daripada mereka (suami/isteri) masih kekal dengan agama asalnya yakni tidak memeluk agama Islam, maka perkahwinan tersebut terfaraq (terbatal) dengan sendirinya.

Dalam konteks kedudukan agama bagi anak pasangan tersebut, sekiranya si anak belum mencapai umur baligh, maka agamanya adalah mengikut agama yang dianuti oleh ibunya. Maksudnya jika ibunya memeluk agama Islam, maka anaknya itu adalah seorang Islam kerana nasab seseorang anak itu adalah kepada ibunya, begitu juga sebaliknya. Tetapi sekiranya anak kepada pasangan tersebut telah mencapai umur baligh ketika salah seorang daripada kedua ibu bapanya memeluk agama Islam, maka anak tersebut boleh memilih samada untuk mengikut agama yang dianuti oleh salah seorang daripada ibu bapanya.

Jika pasangan suami isteri yang asalnya bukan Islam, kemudian keduanya telah memeluk agama Islam, maka mereka tidak perlu diakad nikahkan semula kerana pernikahan mereka sebelum itu dikira sah dan diperakui apabila mereka memeluk agama Islam. Aqad perkahwinan asal mereka juga tidak diambil kira sebagaimana syarat-syarat pernikahan umat Islam yang lain seperti wali, saksi, sighth, ijab dan qabul dan seumpamanya.

13. Apabila seseorang anak dalam sesebuah keluarga memeluk Islam, adakah hubungan kekeluargaan mereka terputus?
  - Apakah tanggungjawab anak yang telah Islam terhadap kedua ibu bapanya dan apakah batas-batas atau hadnya?
  - Apakah hukumnya si anak menghadiri diri dalam majlis keagamaan atau perayaan keluarganya seperti Thaipusam, Deepavali, Krismas, Wesak dan lain-lain dengan tujuan menghormati keluarga mereka?

Apabila seseorang anak dalam sesebuah keluarga memeluk Islam, hubungan kekeluargaan di antara anak dan kedua ibu bapanya yang

bukan Islam tidak terputus sama sekali. Di sinilah terletak keindahan Islam yang tidak memisahkan hubungan kekeluargaan yang sedia terjalin semata-mata kerana perbezaan agama di antara anak dan kedua ibu bapanya.

Tanggungjawab seseorang anak yang telah memeluk agama Islam terhadap ibu bapanya yang belum memeluk agama Islam masih lagi sama dan dituntut seperti menghormati dan mengasihi keduanya, menziarahi keduanya apabila perlu, menjaga ketika sakit, memberi nafkah dan sebagainya. Islam tidak meletakkan sebarang perbezaan atau tembok pemisah sekalipun mereka berlainan agama. Oleh itu, si anak wajib mentaati kedua ibu bapanya selagi keduanya tidak menyuruh kepada perbuatan maksiat dan mungkar.

Walaupun, si anak tidak boleh menghadirkan diri dalam sebarang majlis atau perayaan keluarganya yang melibatkan upacara keagamaan bukan Islam. Ini kerana terdapat batas dan halangan yang tertentu dan ianya adalah melibatkan persoalan aqidah sekalipun hanya sekadar untuk menghormati keluarganya. Si anak boleh menghormati keluarganya yang bukan Islam apabila ia melibatkan hubungan sesama insan seperti berbuat baik, bantu-membantu, hormat-menghormati kepada kedua ibu bapa dan keluarganya yang lain.